

# Gagasan dan Perjuangan Politik Za'ba

---

oleh

**Adnan Haji Nawang**

Sekiranya apabila keluar yang menuntut di dalamnya [universiti] itu bolehlah ia menjadi guru menasihatkan anak bangsanya dengan ikhlas atau boleh jadi *Lawyer* menghujah orang yang hendak melakukan yang tidak patut atas negerinya atau Hakim yang menjatuhkan hukuman yang berbetulan dengan adat negerinya atau Doktor mengubatkan penyakit yang bersetuju dengan tabiat bangsanya atau *Engineer* mengaturkan peraturan yang menyenangkan anak-anak buminya.<sup>1</sup>

Inilah cita-cita Zainal Abidin Bin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Za'ba (1895 - 1973) di sebalik perjuangannya untuk membela kelemahan pendidikan Melayu dan Muslim. Pemikiran seumpama itu bukanlah terlahir dari persepsi Za'ba sebagai seorang pendidik semata-mata, tetapi teretus akibat kefahaman beliau tentang persekitaran politik tanah airnya pada zaman tersebut.

Pada masa yang sama, Za'ba adalah seorang Melayu, beragama Islam dan perjuangannya ialah untuk memajukan bangsanya di dalam setiap lapangan kehidupan mereka. Za'ba juga pernah menggunakan nama pena 'Patriot'. Menurut Za'ba, ertinya ialah orang yang kasihkan bangsanya. Oleh itu pengucapan di atas itu bukanlah suatu perkara yang asing di dalam kerangka pemikiran politik Za'ba. Maka petikan tersebut bolehlah dikatakan sebagai suatu pernyataan politik Za'ba hasil dari pemerhatian dan kefahamannya tentang nasib yang memimpa bangsanya dewasa itu.

Jika dilihat kepada pemikiran Za'ba tentang Islam, pendidikan, bahasa Melayu dan ekonomi, didapati Za'ba telah memperlihatkan kecenderungan yang jelas di dalam meluahkan fahaman serta pendirian politiknya melalui beberapa pemikiran tersebut. Malah di dalam buku ilmu bahasanya, Za'ba tidak melepaskan peluang untuk menyelitkan juga pemikiran politiknya kepada para pelajar atau pembacanya.<sup>2</sup>

Untuk memudahkan kita mengkaji pemikiran politik Za'ba, maka tema utama di dalam pemikiran beliau itu hendaklah dikenal pasti terlebih dahulu. Ini adalah mencakupi tiga aspek yang penting. Pertama, ialah tentang sikap anti-raja dan pembesar Melayu, kedua, ialah sikap anti-kolonial British, dan ketiganya, ialah tentang perjuangan pembebasannya. Aspek ketiga itu merujuk kepada pemikiran Za'ba tentang cara-cara yang seharusnya dilakukan oleh orang Melayu dan Muslim untuk mengatasi masalah politik yang menindas serta mendiskriminasi mereka sejak sekian lama.

Matlamat terakhir Za'ba bukan sekadar hendak melihat masyarakatnya berpegang teguh kepada ajaran Islam sebagai panduan hidup di dunia dan di akhirat, malah hendak melihat mereka mencapai kemajuan di dalam pendidikan, bahasa Melayu, ekonomi dan akhirnya terbebas dari sebarang belunggu penjajahan rohani dan jasmani yang berterusan mengikat mereka dari "diliputi gelap, lalai dan loba". Dari segi politiknya, perjuangan Za'ba itu adalah suatu perjuangan pembebasan dari belunggu penjajahan kerajaan kolonial British. Dalam erti kata yang lain, perjuangan Za'ba itu ialah suatu perjuangan ke arah mencapai kemerdekaan untuk negaranya di satu pihak, dan terlepas juga dari cengkaman golongan raja serta pembesar Melayu di pihak yang lain.

### **SIKAP ANTI-PEMBESAR DAN RAJA-RAJA MELAYU**

Pada dasarnya, Za'ba mengkritik dengan sinis golongan raja-raja dan pembesar Melayu itu kerana, pertamanya, mereka adalah kolaborator kolonial British di sepanjang zaman penjajahannya. Kedua, ialah kerana sikap mereka selaku kolaborator, terhadap masalah 'kemiskinan' rohani dan jasmani yang dihadapi oleh orang Melayu dan Muslim di Tanah Melayu ini.

Selaku raja-raja dan pembesar, mereka berada pada hierarki sosial tertinggi di dalam masyarakat, tetapi peranan sosial dan politik mereka bukanlah untuk menjadi 'pelindung' kepada rakyat. Ini dikritik oleh Za'ba dengan berkata:

---

\*Ungkapan ini dipetik dari syair empat kerat yang dituliskan oleh Za'ba di antara Disember 1916 hingga Januari 1917.

[O]rang patut-patut (kaya-kaya, besar-besar, bijak-bijak) kita duduk bersenang-senang diri masing-masing dalam bilik mahligainya dengan nikmat sentosa dan cukup puas hati pula, datang rasa hatinya dan sampai hatinya memandang anak-anak bangsa bergelumang dengan kehinaan dan kejatuhan kepada saf-saf yang jauh di belakang kaum penumpang negeri.<sup>3</sup>

Kritikan Za'ba terhadap golongan itu menjadi sangat sinis kerana beliau mendapati bahawa golongan tersebut langsung tidak berminat, atau tidak menunjukkan sedikitpun simpati, terutamanya di dalam membantu memajukan pendidikan Melayu. Za'ba sangatlah berharap akan penglibatan aktif mereka bukan saja di dalam memajukan pendidikan, tetapi bertindak sebagai 'pelindung' dalam erti kata yang sebenarnya di dalam setiap kegiatan hidup rakyat amnya. Beberapa contoh sumbangan golongan pembesar atau orang kaya dari negara China, Amerika Syarikat, India dan saudagar Cina di Singapura yang banyak menderma di dalam memajukan pendidikan dan menjaga kebajikan masyarakat telah disebutkan oleh Za'ba.<sup>4</sup> Harapan Za'ba itu terjelas dari kata-katanya;

[J]ikalau bergeraklah oleh beberapa yang bergerak daripada orang kita yang mempunyai gerak yang bersungguh (bukan hangat-hangat ....) pada percubaan mengubat akan hidapan ini nescaya adalah tempat bagi kaum kita bertumpu kemanjaan.<sup>5</sup>

Apabila terdapat penglibatan Sultan Kelantan di dalam menubuhkan Madrasah Muhammadiyah (1917), Za'ba telah melahirkan rasa gembiranya. Ini dijelaskannya dengan berkata:

Sekalipun bukan kami dari anak Kelantan dan bukan pula kami daripada mereka-mereka yang menduduki bumi Kelantan, tetapi 'kemelayuan' kami telah memenuhi kami dengan hutang bangsa tatkala mendengar perkataan yang seumpama itu.<sup>6</sup>

Penglibatan Sultan Kelantan hanya terhad kepada pendidikan agama sahaja, dan tidak kepada pendidikan lainnya. Akan tetapi, contoh dari Kelantan itu tidak pernah diteladani oleh negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Sikap anti-kemajuan, khususnya di dalam perkembangan pendidikan Melayu telah diperlihatkan dengan ketara sekali oleh anak raja dari Perak, iaitu Raja Sir Chulan dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Sikap mereka benar-benar menepati watak kolaborator kolonial, bukannya sebagai 'pelindung' rakyat.

Masalah wang bukanlah faktor penghalangnya. Berpuluh-puluh juta ringgit, hasil dari kekayaan bumi Tanah Melayu digunakan untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi dan politik kolonial. Malah raja-raja Melayu sendiri pernah menghadiahkan sejumlah besar wang untuk membeli kapal perang (Her Majesty's Ship "Malaya") di dalam membantu Empayar British untuk menghadapi Perang Dunia Pertama. Manakala kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu juga pernah meminjamkan wang kepada kerajaan Siam untuk membina jalan keretapi selain membina pengkalan kapal perang di Singapura.

Kesemua perbelanjaan tersebut telah disebut oleh Za'ba sebagai bukti kekayaan Tanah Melayu yang sepatutnya digunakan untuk membiayai usaha usaha memajukan orang Melayu. Tetapi sikap golongan tersebut terhadap masalah yang dihadapi oleh orang Melayu telah menghalang mereka dari berbuat demikian. Pendidikan Melayu terabai, bahasa Melayu mundur, ekonomi Melayu tercicir di belakang ekonomi orang asing dan politik Melayu terhina oleh penjajahan. Ini pernah disimpulkan oleh Za'ba dengan berkata bahawa golongan tersebut sengaja tidak mahu mengambil tahu erti politik, tidak prihatin terhadap kemunduran Melayu, dan tidak pernah berusaha untuk mengatasi berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh anak bangsa mereka.<sup>7</sup>

Kesedaran Za'ba tentang keperihalan tersebut telah benar-benar mengesani jiwanya. Sikap anti raja-raja dan pembesar Melayu menjadi semakin ketara dan perasaan itu diluahkan dengan penuh keberanian pada awal 1920-an. Pada 1923, Za'ba telah menulis mengenai cara pemerintahan raja-raja Melayu sebelum kedatangan British. Golongan ini dikatakan telah memerintah dengan sangat "kejam dan buas sekali". Rakyat ditindas dan mereka "kena perabdian dan kena picit dan perah dan ramas di tangan pemerintah-pemerintahnya".<sup>8</sup>

Menurut Za'ba, kejadian malang yang menimpa orang Melayu itu hanya terhenti apabila British "mengambil akan perintah negeri ini daripada genggamannya Tuan-tuan Penghulu yang buas dan tiada berperasaan manusia itu".<sup>9</sup> Za'ba berpendapat, sekiranya orang British yang disifatkannya sebagai "Tentera Allah Taala" tidak mengambil alih pemerintahan di Tanah Melayu, maka:

[O]rang Melayu ini kesudahannya dalam sedikit kurun lagi tentulah kelak hapus sekali tersapu wujudnya daripada hitungan jadi suatu puak di antara kaum-kaum manusia di muka bumi ini dengan sebab kezaliman dan kekuasaan Tuan-tuan Penghulu yang buas dan liar itu. Orang-orang Melayu zaman itu perlahan-lahan, tetapi tentu sekali semakin beransur ditelan dan diluhur oleh hutan rimba belantara di kelilingnya dan nampaknya ada sangatlah tiap-tiap tanda dan alamat yang mereka itu akan mengambil gilirannya jadi kaum Semang, dan lain-lain bangsa Orang Liar pula dalam hutannya itu! Tetapi tangan masa - *Allhamdulillah* syukur kita kerana orang British datang - telah menahan akan gerak menggelungsur ke bawah ini.<sup>10</sup>

Za'ba menegaskan bahawa kesan psikologi ke atas orang Melayu akibat dari kekejaman pemerintahan raja-raja dan pembesar Melayu tidaklah berakhir dengan perubahan pemerintahan kepada pihak British itu. Orang Melayu dipercayai memerlukan masa yang lama untuk mengikis kesan-kesan psikologi yang negatif itu.<sup>11</sup>

Institusi pemerintah tradisi itu tidak dihapuskan oleh pihak British. Mereka telah menggunakan institusi tersebut sebagai alat untuk melicinkan

pentadbiran serta memudahkan eksploitasi ekonomi dan politik mereka. Dengan itu, orang Melayu bukan saja berhadapan dengan suatu kuasa baru, tetapi terikat juga dengan sistem sosio-politik tradisinya. Ini adalah dilema yang terpaksa dihadapi oleh orang Melayu di sepanjang sejarah pemerintahan British di Tanah Melayu. Oleh itu telahan Za'ba bahawa orang Melayu memerlukan masa yang lama untuk membebaskan diri mereka dari cengkaman warisan tradisi itu adalah amat berasas sekali.

Beberapa contoh dari pengekal sistem sosial tradisi itu dapat dilihat dari kewujudan 'kemiskinan' di dalam kehidupan orang Melayu itu sendiri. Aspek ini memang disedari oleh Za'ba dan beliau telah mengemukakan pandangan yang kritis terhadapnya. Satu contoh paling jelas yang pernah dikemukakan oleh Za'ba ialah tentang kelahiran 'tamadun' baru yang diakibatkan oleh pemerintahan British di Tanah Melayu ini. Orang Melayu disifatkan oleh Za'ba sebagai berterusan berada "jauh dari suara loceng", iaitu kekal dengan alam sekitar tradisi dan terpisah dan terafi daripada menikmati sebarang pembangunan ekonomi kolonial di Tanah Melayu.

Jika dilihat dari segi status raja-raja dan pembesar Melayu itu, kedudukan sosial mereka dari kaca mata rakyat tidaklah banyak berubah. Malah mereka diberikan ganjaran berbentuk elaun, kemudahan sosial dan berbagai gelaran kebesaran. Rasa taat setia rakyat terhadap mereka sentiasa dipupuk supaya taraf sosial mereka sentiasa tinggi. Ini menjadikan mereka berpuas hati dengan taraf tersebut.

Pihak British bukan saja menyediakan beberapa kemudahan, tetapi berusaha menanamkan juga bibit-bibit taat setia rakyat terhadap golongan raja-raja dan pembesar Melayu melalui sistem pendidikannya. Pandangan Za'ba terhadap kelemahan kurikulum itu sebenarnya mempunyai kaitan dengan perkara yang sama.

Ini dapat dilihat dari kritikan Za'ba yang khusus ditujukan terhadap penggunaan buku-buku teks utama di sekolah Melayu yang terdiri dari hikayat-hikayat Melayu lama, termasuk juga *Hikayat Hang Tuah*. Selain itu buku-buku karya Abdullah Munsyi seperti *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah* telah digunakan juga. Menurut Za'ba, hikayat-hikayat Melayu lama itu hanya mengisahkan tentang jin dan mambang, tuan puteri atau putera yang baik paras dan berbagai cerita yang ajaib. Dengan itu Za'ba berpendapat bahawa hikayat-hikayat tersebut adalah tidak sesuai dengan otak kanak-kanak kerana mereka belum mampu berfikir dengan baik, dan penggunaannya dipercayai tidak akan membantu anak-anak Melayu meningkat ke "dataran pelajaran dan pengetahuan zaman ini".<sup>12</sup>

Kesedaran Za'ba tentang kelemahan tersebut telah menyebabkan beliau menuduh kerajaan kolonial British sebagai berusaha dengan secara sedar

pentadbiran serta memudahkan eksploitasi ekonomi dan politik mereka. Dengan itu, orang Melayu bukan saja berhadapan dengan suatu kuasa baru, tetapi terikat juga dengan sistem sosio-politik tradisinya. Ini adalah dilema yang terpaksa dihadapi oleh orang Melayu di sepanjang sejarah pemerintahan British di Tanah Melayu. Oleh itu telahan Za'ba bahawa orang Melayu memerlukan masa yang lama untuk membebaskan diri mereka dari cengkaman warisan tradisi itu adalah amat berasas sekali.

Beberapa contoh dari pengekaln sistem sosial tradisi itu dapat dilihat dari kewujudan 'kemiskinan' di dalam kehidupan orang Melayu itu sendiri. Aspek ini memang disedari oleh Za'ba dan beliau telah mengemukakan pandangan yang kritis terhadapnya. Satu contoh paling jelas yang pernah dikemukakan oleh Za'ba ialah tentang kelahiran 'tamadun' baru yang diakibatkan oleh pemerintahan British di Tanah Melayu ini. Orang Melayu disifatkan oleh Za'ba sebagai berterusan berada "jauh dari suara loceng", iaitu kekal dengan alam sekitar tradisi dan terpisah dan terafi daripada menikmati sebarang pembangunan ekonomi kolonial di Tanah Melayu.

Jika dilihat dari segi status raja-raja dan pembesar Melayu itu, kedudukan sosial mereka dari kaca mata rakyat tidaklah banyak berubah. Malah mereka diberikan ganjaran berbentuk elaun, kemudahan sosial dan berbagai gelaran kebesaran. Rasa taat setia rakyat terhadap mereka sentiasa dipupuk supaya taraf sosial mereka sentiasa tinggi. Ini menjadikan mereka berpuas hati dengan taraf tersebut.

Pihak British bukan saja menyediakan beberapa kemudahan, tetapi berusaha menanamkan juga bibit-bibit taat setia rakyat terhadap golongan raja-raja dan pembesar Melayu melalui sistem pendidikannya. Pandangan Za'ba terhadap kelemahan kurikulum itu sebenarnya mempunyai kaitan dengan perkara yang sama.

Ini dapat dilihat dari kritikan Za'ba yang khusus ditujukan terhadap penggunaan buku-buku teks utama di sekolah Melayu yang terdiri dari hikayat-hikayat Melayu lama, termasuk juga *Hikayat Hang Tuah*. Selain itu buku-buku karya Abdullah Munshi seperti *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah* telah digunakan juga. Menurut Za'ba, hikayat-hikayat Melayu lama itu hanya mengisahkan tentang jin dan mambang, tuan puteri atau putera yang baik paras dan berbagai cerita yang ajaib. Dengan itu Za'ba berpendapat bahawa hikayat-hikayat tersebut adalah tidak sesuai dengan otak kanak-kanak kerana mereka belum mampu berfikir dengan baik, dan penggunaannya dipercayai tidak akan membantu anak-anak Melayu meningkat ke "dataran pelajaran dan pengetahuan zaman ini".<sup>12</sup>

Kesedaran Za'ba tentang kelemahan tersebut telah menyebabkan beliau menuduh kerajaan kolonial British sebagai berusaha dengan secara sedar

untuk mananamkan bibit-bibit jiwa abdi kepada anak Melayu setelah tamat pendidikan Melayu mereka. Dengan itu, mereka akan sentiasa reda walaupun bangsa mereka berterusan terjajah. Ini dipercayai akan menghalang kepada timbulnya kesedaran untuk bersatu dan menuntut hak di dalam membebaskan tanah air mereka.<sup>13</sup>

Sikap anti-pembesar dan raja-raja Melayu itu bukanlah satu fenomena sejarah yang baru. Ia telah bermula dengan tulisan Abdullah Munsyi sejak pertengahan abad ke sembilan belas lagi. Ini diiktui oleh majalah *Al-Imam* (1906-1908). Satu perbezaan yang ketara berbanding dengan zaman sebelumnya ialah perbincangan mengenai perkara tersebut telah menjadi semakin terbuka dan secara konsisten diperkatakan, terutama melalui akhbar dan majalah tempatan serta novel Melayu.

Perbincangan mengenai perkara tersebut turut disertai juga oleh pegawai pentadbir kolonial sendiri. Misalnya, Frank Swettenham pernah mengatakan bahawa pemerintahan British telah membawa banyak kemajuan kepada orang Melayu. Mereka dikatakan "are freer, healthier, wealthier, more independent, more enlightened - happier by far than in the days of Malay rule".<sup>14</sup> Ini adalah kerana rakyat telah mendapat hak untuk hidup bebas dari segi undang-undang. Contohnya:

The lands are their own; their wives and children are subject to no man's beck or call; their service can no longer be requisitioned without wage, or the product of their labour seized without payment.<sup>15</sup>

L.R. Wheeler pula, dalam nada yang sama telah menyebutkan bahawa "undang-undang di ... jajahan British Empayar itu bukannya inaya atau zalim seperti zaman dahulu umpama orang kaya dan raja-raja menginayai orang-orang miskin". Selain itu dijelaskan bahawa orang Melayu "bukan pula dijadikan abdi atau pun kena bunuh atau curi dan samun dan sebagainya".<sup>16</sup>

Sungguhpun kritikan mereka terhadap golongan raja dan pembesar Melayu itu, pada dasarnya tidak berbeza dengan pemikiran Za'ba, tetapi matlamat masing-masing berlainan. Pihak British mengamalkan muslihat politik di dalam hubungannya dengan raja-raja dan pembesar Melayu. Tulisan para pegawai-sarjananya sering mengandungi kritikan terhadap golongan itu, tetapi di peringkat rasminya, mereka bukan saja diiktiraf pada kedudukan tradisinya, malah diberikan berbagai-bagai ganjaran supaya sentiasa akur kepada sebarang tindakan pihak kolonial untuk berbuat apa saja di negeri masing-masing. Mereka adalah kolaborator jadian kolonial.

Sikap Frank Swettenham itu, umpamanya, adalah selaras dengan kedudukan rasmi beliau sebagai pegawai tinggi kolonial. Beliau pernah disifatkan oleh Allen sebagai salah seorang imperialis tulin, iaitu yang

bertanggungjawab di dalam "the establishment of European institutions and modes of thought among the natives".<sup>17</sup> Begitu jugalah dengan R.O. Winstedt di dalam mengasas dan melaksanakan dasar pendidikan Melayu. Wang Gungwu pernah mengulas sumbangan Winstedt kepada pendidikan Melayu dengan berkata bahawa "it was clearly not enough. Winstedt was too good a colonial bureaucrat to be carried away by any vision of the future of the Malay peoples".<sup>18</sup> Seterusnya beliau berkata bahawa penggantinya (H.R. Cheeseman) telah "continued his policy of too little for too long". Dasar pendidikan ini disifatkannya sebagai suatu "stunted education".<sup>19</sup>

Pemikiran Za'ba tentang peranan golongan raja dan pembesar Melayu itu tidak boleh disamakan dengan mereka. Walaupun beliau juga seorang kakitangan di dalam pentadbiran kolonial, tetapi sikapnya jelas dan tegas, iaitu ingin membantu masyarakatnya untuk mencapai kemajuan hidup di dalam berbagai lapangan, sesuai dengan perkembangan zaman di kurun ke duapuluh ini.

Terdapat juga anak tempatan yang memperlihatkan sikap seorang imperialis di dalam menangani isu raja-raja dan pembesar Melayu ini. Beliau ialah Abdul Majid Zainuddin. Sikap beliau terhadap golongan tersebut adalah sama sahaja dengan sikap pegawai kolonial tersebut. Zaman pemerintahan raja-raja dan pembesar Melayu itu disifatkan sebagai "resembles that of the Dark Age in the evolution of any Nation".<sup>20</sup> Kuasa mereka bersifat autokratik mutlak, iaitu tidak dapat disanggah oleh sesiapaupun. Antara lain beliau mengatakan:

Absolutely autocratic was their power and authority, and none dared deny them anything - as befits men who commanded success by forces of Might. The very men who had helped the leaders to power and authority were trampled underfoot to supply the wherewithal for the gratification of their whims and fancies. After all, what were these men, these followers, to them but mere "dust under foot" as they admitted and called themselves to be when addressing the Rulers.<sup>21</sup>

Beliau mengakhiri pendapatnya itu dengan berkata:

Theirs not to reason why;  
Theirs but to do and die.<sup>22</sup>

Pada masa yang sama Abdul Majid adalah penyokong kuat kepada setiap dasar kolonial British di Tanah Melayu. Ini meletakkan dirinya pada saf-saf yang sama dengan Frank Swettenham dan R.O. Winstedt, walaupun ia hanyalah seorang kakitangan kerajaan dari kalangan tempatan seperti Za'ba. Beliau berpendidikan Inggeris yang agak tinggi dan berupaya menanggapi berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh anak bangsanya, tetapi memilih untuk menjadi kolaborator kolonial seperti raja-raja dan pembesar Melayu yang dikutuknya itu. Ini membezakan beliau dengan Za'ba kerana sikap Za'ba dalam soal ini jelas bertentangan dengannya.



### SIKAP ANTI-KOLONIAL BRITISH

Sikap Za'ba mengenai perkara ini dapat dikesan sejak ia melibatkan diri secara serius di dalam penulisan rencana untuk siaran di dalam akhbar-akhbar tempatan pada 1917 lagi. Pihak kerajaan kolonial juga menyedari akan hakikat tersebut. Pada 1921, Za'ba telah mula dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa. Ini termasuklah amaran lisan oleh Raja Sir Chulan. Za'ba telah dituduh sebagai cuba menghasut para pembaca akhbar dan majalah melalui tulisan-tulisannya yang bersifat anti-kerajaan. Antara lain Raja Sir Chulan mengatakan:

Mika [kamu] khabarnya selalu menulis di dalam surat khabar terutama di dalam surat khabar Melayu mengata-ngata kerajaan buat tak patut begini-begini .... Ini saya ingatkan, kalau awak selalu buat begitu, esok nanti kerajaan pandang tak betul sama awak. Tak dapat naik gaji, tak dapat jawatan. Barang kali dibuang terus.<sup>23</sup>

Za'ba juga disekat kenaikan gaji tahunannya, tidak ditawarkan jawatan tetap sehinggalah hampir lima tahun (1918-1924) berkhidmat, dan ditukarkan tempat berkhidmat beberapa kali hinggalah akhirnya 'terbuang' ke Jabatan Karang Mengarang SITC di Tanjung Malim pada 1924. Tetapi beliau tetap berpegang teguh kepada pendirian tersebut di sepanjang hayatnya. Ini akan menjadi lebih jelas di dalam perbincangan selanjutnya.

Kritikan-kritikan tajam Za'ba terhadap dasar sosial, ekonomi dan politik kolonial British di Tanah Melayu sudahpun dapat dikesani secara tidak langsungnya di dalam perbincangan di atas. Tetapi, sikap anti-kolonialnya itu bukanlah terhad kepada penglibatan British di Tanah Melayu sahaja. Ini adalah kerana Za'ba amat menyedari bahawa British adalah sebuah kuasa dunia yang terkuat dewasa itu. Pada masa yang sama beliau juga sedar bahawa kuasa tersebut turut terlibat secara aktif di dalam politik antarabangsa, khususnya berhubung dengan kegiatannya di dalam melemahkan masyarakat Muslim dan agama Islam amnya.

Za'ba berpendapat bahawa orang British adalah orang Barat atau orang Nasrani. Mereka adalah "Kaum Kafir". Golongan ini dianggapnya sebagai musuh Islam yang paling utama sekali. Mereka termasuk ke dalam jenis manusia yang disifatkannya sebagai:

[B]erebut-rebutkan dunia dan kerajaan dan yang buta matanya ke akhirat - inilah dia Al-Maseh Al-Dajal yang tersebut dalam Hadis Nabi SAW.<sup>24</sup>

Za'ba menegaskan bahawa "kerajaan Al-Maseh Al-Dajal dan ketua-ketua agamanya dan ahli-ahli siasahnya yang buta sebelah dan mengaku Al-Maseh a.s." itu adalah golongan yang bertanggungjawab di dalam menakluki dan meruntuhkan negara-negara Muslim di dunia di abad kedua puluh ini.<sup>25</sup>

Berdasarkan kepada pemikiran itu, pendirian Za'ba menjadi lebih terjurus kepada dua ciri utama yang terdapat pada pihak kerajaan kolonial British. Pertama, ialah merujuk kepada agama mereka, iaitu orang Nasrani dan kaum kafir. Kedua ialah kepada sifat kerajaannya, iaitu merebutkan dunia dan kerajaan negara lain. Dalam erti kata yang lain, rujukan Za'ba itu ialah kepada fahaman kolonialisme dan imperialisme British. Menurut Za'ba fahaman tersebut juga sudah menjadi amalan golongan komunis. Kedua-dua golongan tersebut dianggapnya sebagai "musuh ketat Islam".<sup>26</sup> Tetapi Za'ba tidak membincangkan dengan lebih lanjut tentang peranan komunis itu.

Berhubung dengan ciri pertama itu, pendirian Za'ba ialah agama Nasrani telah memainkan peranan penting di dalam proses perluasan kuasa pihak kolonial British di mana-mana saja di dunia ini. Pengalamannya semasa menuntut di sekolah Inggeris anjuran golongan Mubaligh Katholik mungkin menanamkan bibit-bibit kesedaran ke arah mencetus dan memperkuatkan kepercayaannya itu. Setelah beliau memasuki alam dewasa, Za'ba juga mula menyedari bahawa golongan Mubaligh Kristian telah bergerak aktif di mana-mana saja negara yang dijajahi oleh golongan yang disifatkannya sebagai Al-Dajjal Al-Maseh itu.

Sungguhpun kegiatan dakwah dan usaha mengkristiankan orang Melayu di negeri-negeri Melayu dihalang, tetapi kegiatan untuk mengkristiankan orang bukan Melayu tidak dihalang atas prinsip kebebasan beragama. Akan tetapi prinsip ini bukan sahaja diamalkan di Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura), tetapi berjalan tanpa sebarang halangan di negeri-negeri Melayu lain. Ini adalah kerana Negeri-negeri Selat adalah koloni British.

Kecurigaan masyarakat Melayu untuk membenarkan anak mereka memasuki sekolah Inggeris di awal kurun kedua puluh, yang akibatnya turut dialami oleh Za'ba sendiri,<sup>27</sup> sedikit sebanyak telah memberi kesan di dalam memperkukuhkan bibit-bibit prejudis terhadap kegiatan golongan Mubaligh di dalam dirinya. Disebabkan Za'ba aktif di dalam kegiatan Kaum Muda sejak beliau memasuki alam dewasa, suatu dimensi baru telah diperolehinya, iaitu penganut agama Kristian dianggapnya sebagai musuh kepada Islam walau di mana pun mereka berada.

Kegiatan menyebarkan fahaman agama Kristian di Tanah Melayu di zaman kolonial sememangnya berlaku dengan meluas. Walaupun terdapat kecenderungan di kalangan mubaligh Kristian menuduh para pegawai tinggi kerajaan kolonial British di Tanah Melayu sebagai anti-Kristian dan mengabaikan nilai-nilai agama Kristian, tetapi hakikat sebenarnya tidaklah sedemikian. Golongan pemimpin mubaligh Anglikan contohnya, adalah

penyokong kuat kerajaan dan salah anggapan tersebut sebenarnya, hanyalah berlegar dalam soal "how to define the proper Christian role in a colonial setting" sahaja.<sup>28</sup> Ini bermakna kegiatan tersebut berlaku dengan restu kerajaan dan berjalan seiring dengan kegiatan perluasan kuasa kolonial itu sendiri. Satu contoh terbaik mengenai perkara ini dapat dilihat melalui pengalaman hidup Shallebear (1862-1947).<sup>29</sup>

Za'ba dan Shellabear hidup dalam satu zaman. Selain terkenal dengan kegiatan dakwah agama Kristian, Shellabear juga berminat di dalam ilmu bahasa Melayu. Malah beliau adalah salah seorang tokoh Barat atau kolonial penting yang terlibat secara aktif di dalam lapangan tersebut. Namun begitu, minatnya adalah bermisikikan agama, seperti menterjemahkan kitab Injil ke dalam bahasa Melayu supaya mudah difahami oleh orang Melayu.<sup>30</sup> Tetapi, matlamat perjuangan bahasa Za'ba adalah bermisikikan kemajuan bangsa. Beliau mahu menjadikan bahasa Melayu sebagai suatu bahasa yang maju, sama seperti kemajuan yang sudah dicapai oleh bahasa-bahasa lain di dunia. Ini adalah satu dari perbezaannya di antara keduanya, selain masing-masing menganut fahaman agama yang berlainan.

Za'ba tidak pernah mengkritik kegiatan Shellabear seperti mana beliau pernah mengkritik R.O. Winstedt dan R.J. Wilkikson, terutamanya berhubung dengan dasar pendidikan dan kegiatan penulisan buku ilmu bahasa mereka. Za'ba sememangnya menyedari peranan Shellabear dalam aspek tersebut.<sup>31</sup> Tetapi, penglibatan Za'ba dengan gerakan Kaum Muda, khususnya penyertaan beliau di dalam Anjuman-i-Islam di Singapura sejak 1921, adalah satu usaha secara jelas di mana Za'ba telah memberi perhatian yang serius ke arah memerangi pengaruh gerakan Mubaligh Kristian di rantau ini, termasuk secara tidak langsungnya kegiatan Shellabear sendiri.

Ini adalah kerana, salah satu dari tujuan penubuhan Anjuman-i-Islam di Singapura itu ialah "to circulate Islamic literature of purely religious nature among non-Muslims and others and spread Islamic Teachings".<sup>32</sup> Sungguhpun tujuan tersebut, dengan sendirinya tidak menzahirkan niat untuk menentang gerakan dakwah mubaligh Kristian, tetapi secara tidak langsungnya matlamat gerakan dakwah yang diketuai oleh Khwaja Kamaluddin itu cenderung kepada politik. Mereka berazam untuk mencabar gerakan dakwah Kristian di India, Tanah Melayu, Jawa (Indonesia), Afrika dan terpentingnya, pusat mereka ialah di England sendiri, iaitu di Woking, London.<sup>33</sup>

Kepentingan golongan ini ialah mereka beranggapan bahawa gerakan dakwah yang dijalankan oleh golongan mubaligh Kristian dewasa itu amat merbahaya kepada orang dan negara Muslim. Antara lain Khwaja Kamaluddin pernah berkata bahawa pendakwah Kristian itu dihantar ke negara-negara asing kerana:

[T]o create occasions for European interference. Conversion to Christ is a hint to Europe to pressure future subjugation to the sway.<sup>34</sup>

Majalah rasmi Anjuman-i-Islam di Singapura, *The Muslim*, pernah menyiarkan sebuah rencana yang dituliskan oleh Shellabear. Antara lain Shellabear berkata:

[I]t is estimated that in Java not less than 25,000 of the Christians are either themselves converts of Islam, or the descendents of such converts; and in Sumatra there are many thousands of Christians who were once followers of Muhammad.<sup>35</sup>

Shellabear juga menyarankan supaya gerakan mengkristiankan orang Melayu hendaklah dipertingkatkan. Ini hendaklah dilakukan dengan memperbanyakkan lagi sekolah Inggeris yang dijalankan oleh golongan mubaligh Kristian kerana "opportunities for missionary work among them are so great". Sasarannya ialah kepada "Malays and other indigenous races". Ini adalah kerana beliau mendapati bahawa golongan mubaligh Kristian hanya memberi tumpuan kepada "the Chinese, Tamils, and other non-Mohammedan races" sahaja.<sup>36</sup>

Sungguhpun pengarang *The Muslim* menganggap pendapat Shellabear itu sebagai suatu propaganda, tetapi ia mengakui bahaya di sebalik pendapat dan gesaan tersebut. Antara lain dijelaskan:

These words are clear enough. Can we be still in doubt to the fate of those Muslim children who study in Christian schools? We must immediatley do something by way of opening our own schools.<sup>37</sup>

Gesaan pengarang tersebut supaya orang Muslim berbuat sesuatu, terutamanya membuka sekolah sendiri sememangnya sudah menjadi satu tema penting di dalam pemikiran pendidikan Za'ba sejak 1917 lagi. Tetapi Za'ba telah bertindak lebih jauh dari itu. Beliau telah menulis tiga rencana<sup>38</sup> yang khusus memperkatakan tentang agama Kristian dan pengaruhnya yang disifatkan sebagai Al-Dajjal itu.

Menurut Za'ba, Al-Islam adalah "the true religion with God", and "Christ never thought himself as God, that Jesus was a man, genuinely, utterly, completely, unreservedly human - a Palestine Jew". Al-Quran telah menjelaskan perkara ini tiga belas kurun yang lalu "when referring to the absurd doctrine of Christ's 'son-ship' or divinity".<sup>39</sup> Oleh itu Za'ba mengatakan, hanya agama yang berasaskan "God's absolute unity can be the true religion. Hence the word Quran".<sup>40</sup>

Za'ba berpendapat bahawa penerimaan sebarang idea yang membawa kepada "division or plurality in the Godhead" akan menimbulkan "forgetfulness of the One true God" dan dengan itu dikatakan:

Results in all sorts of sins and transgressions, fire and sufferings, of which one of the most palpable and hellish forms in Christendom on this side of the grave was the recent Great European War.<sup>41</sup>

Za'ba bukan saja menyalahkan golongan Al-Maseh Al-Dajal itu bertanggungjawab di dalam mencetuskan Perang Dunia Pertama, malah menuduh mereka turut bertanggungjawab "all this time... devoting their energy to the abusing of Muhammad, his Quran and his religion". Nabi Muhammad SAW dituduh sebagai tidak memahami "the 'beautiful' doctrine of the sonship",<sup>42</sup> tetapi Za'ba menegaskan bahawa disebabkan "the basis of Christianity was all wrong",<sup>43</sup> maka "Christianity is being utterly routed by rationality from within".<sup>44</sup>

Za'ba membuat analogi secara sinis tentang perkembangan Islam ke seluruh dunia sejak kelahirannya hingga dewasa itu. Ini dibaratkan seperti terbentuknya "Islamic Empire", iaitu samalah dengan "the British Empire of our day", tetapi masalah terbesarnya menurut Za'ba ialah:

Christianity - the Great Dajjal or anti-Christ against Islam - is vainly dogging its footstep everywhere.<sup>45</sup>

Satu contoh yang pernah diberikan oleh Za'ba ialah tentang keterlibatan kerajaan British di dalam meruntuhkan kerajaan Khalifah Islam di Turki. Za'ba berpendapat bahawa kedudukan Khalifah mesti dikekalkan dan pihak British mestilah menghormati serta mengiktiraf Constantinople sebagai bandar Islam atau bandar kepunyaan Turki.<sup>46</sup> Lantaran itu, Za'ba menyokong tindakan orang Islam di India (Gerakan Khilafat) yang membantah peranan British di situ, dan menuntut keadilan terhadap perkara tersebut.<sup>47</sup> Isu ini tidak diperkatakan dengan meluas oleh akhbar dan majalah Melayu zaman itu.<sup>48</sup> Sungguhpun begitu, skongon Za'ba sudah memadai untuk membolehkan pihak Cawangan Khas Polis membuat laporan dengan mengatakan bahawa Za'ba adalah "a clear religious fanatic" dan beliau dituduh sebagai "the moving spirit in trying to establish throughout Malaya a strong feeling of Muslim Unity and a Muslim Empire".<sup>49</sup>

Za'ba kuat terpengaruh dengan pemikiran beberapa sarjana Muslim di India ketika itu. Mereka berpendapat bahawa kuasa-kuasa Barat, terutamanya British bertanggungjawab melemahkan Empayar Otoman, dan kerajaan Khalifah itu mestilah dibangunkan semula. Ini berasaskan kepada kepercayaan bahawa kewujudan konsep Khalifah Sejagat akan memungkinkan wujudnya Persaudaraan Islam seperti di zaman lampau. Dengan itu dipercayai bahawa pada suatu masa nanti orang Turki akan datang ke India untuk membebaskannya dari kuasa British. Tetapi, konsep Khalifah Sejagat itu sendiri telah ditinggalkan oleh orang Turki dengan memperjuangkan Turki untuk orang Turki.<sup>50</sup> Namun begitu, Za'ba yakin bahawa Islam akan kekal, keagongannya tidak akan luput di dalam sejarah. Ia akan berterusan berkembang walaupun adanya masalah yang disebutkan itu. Malah Za'ba percaya bahawa:

Theocracy is not impossible and the time is not far at hand when the Kingdom of God will be established on this very earth.<sup>51</sup>

Keyakinan Za'ba ini ialah berasaskan kepada adanya usaha-usaha oleh gerakan reformis Islam Kaum Muda di merata-rata dunia yang berjuang untuk mengembalikan keagongan Islam. Za'ba telah memberi penghargaan kepada Syed Ahmad Khan, Syed Amir Ali, S. Khuda Buksh, Sheikh Muhammed Iqbal, Sheikh Muhammed Abduh, Syed Mohd. Rashid Ridha dan Syed Jamaluddin Afghani yang disifatkannya sebagai "a marvellous exhibition of a powerful personality ... who left his work on the political and religious life and history of Afghanistan, India, Egypt, Turkey and Persia". Seorang lagi tokoh dalam kelompok ini ialah Khwaja Kamaluddin<sup>52</sup> yang juga sahabat karibnya.

### PERJUANGAN PEMBEBASAN

Jika ditinjau kembali kepada pemikiran politik Za'ba hingga setakat ini, didapati Za'ba dengan beraninya telah menuduh pihak raja-raja dan pembesar Melayu serta pihak kerajaan kolonial British sebagai bertanggungjawab menyebabkan orang Melayu dan Muslim di Tanah Melayu ditimpa oleh 'kemiskinan' di dalam setiap lapangan kehidupan mereka. Akan tetapi disebabkan Za'ba juga sedar bahawa identiti terpenting orang Melayu adalah Islam, maka masalah yang dihadapi oleh orang Melayu turut diperkatakannya dalam konteks yang lebih luas, iaitu mencakupi seluruh masyarakat Islam di dunia. Satu contoh yang boleh dirujuk di sini ialah tentang keprihatinan Za'ba berhubung dengan nasib yang menimpa orang Islam di Turki di awal kurun kedua puluh ini seperti dibincangkan di atas.

Za'ba juga sedar bahawa kerajaan kolonial Britishlah yang benar-benar mendefinisikan keadaan politik bukan saja di Tanah Melayu, tetapi di merata dunia Islam dewasa itu. Ini menyebabkan Za'ba mengatakan bahawa orang Melayu dan Islam di seluruh dunia telah dijajah oleh kaum kafir. Sebagai jalan keluarnya, Za'ba menyarankan supaya umat Islam wajiblah melengkapkan diri mereka dengan "ajaran-ajaran Islam yang sebenar". Ini adalah bertujuan untuk menjadi persediaan di dalam menghadapi musuh Islam, dan selanjutnya berusaha untuk membebaskan negara mereka dari belenggu penjajahan itu.<sup>53</sup>

Saranan ini dikemukakan oleh Za'ba kerana beliau berpendapat bahawa umat Islam ketika itu masih berada di dalam keadaan yang sangat lemah, iaitu "kerajaan Islam sedang dalam kepicikan terkena himpit". Faktor utama selain penjajahan, ialah disebabkan oleh kejahilan orang Islam sendiri. Mereka belum lagi memiliki 'senjata Barat'. Maksud Za'ba ialah, orang Islam belum memiliki ilmu dan pengetahuan yang tinggi serta kemajuan dan kekuatan di dalam berbagai bidang seperti mana telah dimiliki oleh orang

Barat yang menjajah mereka itu.<sup>54</sup> Oleh itu, kehendak sebenar Za'ba ialah agar orang Islam juga turut memiliki ciri-ciri yang terdapat pada orang Barat, yang dirujukannya sebagai 'senjata Barat'.

Inilah faktor terpenting di sebalik pemikiran pendidikan Za'ba. Kehendak Za'ba ialah supaya orang Melayu dan Muslim mempunyai ilmu dan pengetahuan yang sesuai dengan kehendak Islam dan juga sesuai dengan tuntutan perkembangan zaman. Ini dipercayai akan menjadi satu senjata penting di dalam perjuangan untuk membebaskan orang Islam dari cengkaman penjajahan Barat. Di sebaliknya, pihak penjajah Barat pula disifatkan sebagai:

[T]inggi ilmu dan berusaha kuat pula cari jalan dengan berbagai tipu helah hendak menjatuhkan kita dan agama kita dengan kalam dan perbuatan.<sup>55</sup>

Ini menyebabkan Za'ba berkata bahawa orang Islam tidak mungkin dapat mengatasi masalah besar yang dihadapi oleh mereka, kecuali mereka benar-benar "bersatu pada tujuan dan perbuatan - berpegang pada tali Allah", iaitu ajaran Islam yang sebenar,<sup>56</sup> dan selepas itu "dibalikkan senjata-senjata itu ['senjata Barat'] ke atas yang empunya dia".<sup>57</sup>

Seruan Za'ba supaya umat Islam berpegang teguh kepada 'tali Allah' dan melengkapkan diri mereka dengan 'senjata Barat' bolehlah dikatakan sebagai asas terpenting kepada pemikiran politik Za'ba di dalam meneruskan perjuangan pembebasan beliau. Faktor ini mungkin dapat menjelaskan kepada kita tentang matlamat sebenar Za'ba di sebalik perjuangan tegasnya membela kepentingan orang Melayu dan Muslim dalam soal iktikad Islam sebenar selain menuntut keadilan di dalam pendidikan, bahasa Melayu dan ekonomi. Tujuan Za'ba ialah supaya orang Melayu dan Muslim turut dilengkapi dengan 'senjata Barat', tetapi tanpa mengabaikan ajaran Islam yang sebenar. Ajaran Islam sebenar yang dimaksudkannya itu sudah tentulah menurut perspektif ajaran Kaum Muda yang diperjuangkan dengan gigihnya di sepanjang hidup beliau.

Disebabkan Za'ba seorang Melayu dan bercita-cita untuk mencari kemajuan bangsa, perhatiannya lebih tertumpu ke arah membantu masyarakatnya sendiri di dalam mencapai matlamat tersebut. Pada masa yang sama, disebabkan Za'ba juga mahukan supaya umat Islam bersatu pada tujuan dan perbuatan, serta berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar, maka matlamat Za'ba ialah hendak melihat supaya orang Melayu turut berjuang mengikut lunas-lunas serta kerangka pemikiran Islam yang sebenar juga.

Untuk mencapai matlamat tersebut, satu aspek yang diberikan perhatian utama oleh Za'ba ialah mengenai perpaduan orang Melayu dan Muslim itu sendiri. Ini adalah kerana beliau berpendapat bahawa mereka sudah terlalu

berpecah dan perkara pertama yang wajib dilakukan oleh mereka ialah supaya "bersatu padu sebagai suatu bangsa".<sup>58</sup>

Beberapa istilah yang sering digunakan oleh Za'ba di dalam tulisannya hendaklah difahami terlebih dahulu sebelum diperkatakan erti ungkapan 'bangsa Melayu' seperti difahaminya itu. Dua istilah yang berkaitan ialah 'Melayu' dan 'Kaum Melayu'. Ini pernah dijelaskan oleh Za'ba dengan berkata bahawa erti 'Melayu' ialah "seorang Islam bangsa Melayu, anak Melayu, keturunan Melayu, darah Melayu, hati Melayu dan keadaan Melayu". Sementara 'kaum Melayu' pula mencakupi mereka yang berada di Alam Melayu atau Dunia Melayu. Ini dijelaskan oleh Za'ba dengan berkata:

[B]ahawa Kaum Melayu itu satu darah asalkan Melayu namanya dan Islam agamanya walau di manapun cerok rantau jajahan negerinya (Pahang, Kelantan, Jawa, Boyan, Minangkabau, Bugis atau lainnya).<sup>59</sup>

Dari penjelasan ini, maksud 'Kaum Melayu' oleh Za'ba itu merujuk kepada keseluruhan orang Melayu dalam pengertiannya yang luas. Ia bukan bererti suku atau puak-puak, tetapi bangsa Melayu, iaitu dari satu keturunan, satu wilayah (Alam Melayu) dan beragama Islam. Kesepaduan inilah yang menjadikan orang Melayu dan Muslim di rantau ini sebagai suatu bangsa. Menurut Za'ba, ciri-ciri inilah yang membezakan mereka dengan bangsa lain di Tanah Melayu, terutamanya dengan pihak kerajaan kolonial British. Orang Melayu dan Muslim disifatkannya sebagai "bangsa yang kena perintah oleh bukan sebangsanya", manakala pihak kolonial itu adalah "bangsa pemerintah" di Tanah Melayu ini.<sup>60</sup>

Sungguhpun Za'ba menyebutkan tiga ciri utama yang melahirkan bangsa Melayu itu, tetapi Islam adalah ciri penyatuan yang dianggapnya sebagai yang terpenting sekali. Ini adalah kerana Za'ba berpendapat bahawa "tiap-tiap kemuliaan dan kelebihan yang tidak dibangunkan di atas *foundation* kemuliaan bangsa dan watan itu ... ialah dusta namanya". Oleh itu, untuk mengelak dari perkara "yang tiada dusta" itu, maka Islam hendaklah dijadikan asas yang terunggul. Ini dijelaskan oleh Za'ba dengan berkata:

[B]angsa dan watan seperti yang biasa difahamkan oleh orang-orang Barat itu sempit serta tiada hiraukan hak-hak dan keselamatan bangsa-bangsa asing asalkan pada perkara yang membawa kemuliaan dan keselamatan kepada bangsa sendiri. Maka inilah perasaan yang telah membawa kepada peperangan dan berdengi-dengkan di antara satu bangsa dengan satu bangsa mereka itu walaupun mereka itu seagama! Bangsaku! Negeriku!! Iaitu benar atau salah Bangsaku! Negeriku!! Bangsa yang lain jahanamlah asalkan bangsaku selamat jadilah! Kalau bangsa-bangsa lain itu semuanya boleh jadi hambaku dan memberi faedah kepada aku lagi baik. Asalkan bangsaku dapat besar!! (Tanah Melayu bagi orang Melayu sahaja! Tanah Jawa bagi orang Jawa sahaja. Kata Johor Melayu Johor sahaja yang lebih! Kata Kelantan Melayu Kelantan sahaja! Kata Perak orang Perak sahaja, apa peduli orang lain!!!). Sesungguhnya inilah perasaan kemuliaan bangsa dan watan yang jangan sekali-kali



ditanamkan kepada orang kita. Yang kita mahu ialah habbul watan yang luas - iaitu kemuliaan Islam walau seorang Muslim itu Benggali, Jawa, Keling, Cina atau lain-lain.<sup>61</sup>

Za'ba menjelaskan dengan lebih lanjut maksud "habbul watan yang luas" itu di dalam dua rencananya.<sup>62</sup> Menurut Za'ba, ertinya ialah "kasihkan negeri atau tanah air (patriotisme)". Ini mempunyai "tujuh pangkat". Pertama, ialah "kasih sedaging", iaitu kasihnya sekadar "tertentu dengan kawasan tempat diamnya, balik-balik dapurnya". Lain dari itu dianggap "lain bangsalah". Kedua, ialah "kasih sekampung". Ini adalah terhad kepada sesuatu kawasan seperti "kalau Kuala Lumpur maka Kuala Lumpurlah wataninya". Ketiga, ialah "kasih senegeri", seperti "orang Selangor hanya kasihkan Selangor sahaja", orang dari negeri lain dianggap "anak dagang sahaja".<sup>63</sup>

Lebih tinggi dari itu, iaitu yang keempatnya, ialah "kasih setanah atau sebangsa". Ini merujuk kepada "tanah yang mengeluarkan sama sebangsa", iaitu pada "bahasanya dan adatnya lebih kurang bersamaan". Ini adalah seperti Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Kelimanya pula ialah "kasih sebenua", iaitu kasih berasaskan "seluruh tanah yang lebih luas". Contoh yang diberikan oleh Za'ba ialah "orang Melayu kasihkan Alam Melayu yakni pulau-pulau benua Melayu (Indonesia) serta segala teluk rantainya". Ini adalah berdasarkan "bersamaan keadaan dan hawanya dan bersamaan kejadian benda-benda padanya dan didiami oleh puak-puak manusia yang bersamaan bangunan-bangunan mukanya, susuk badannya, warna kulitnya, walaupun berlainan bahasa dan adat peraturannya".

Manakala keenamnya pula ialah, "kasih seagama". Maksudnya ialah setiap orang Islam itu "kasih akan segala orang Muslimin" tanpa mengira asal keturunannya. Ketujuh, ialah "kasih sedunia atau sealam jagat", iaitu "segala dunia dan alam Allah ini watan dan segala hamba Allah dan makhluk itu bangsa dan saudara yang dikasihi". Inilah faktor yang menyatukan orang Islam, iaitu "kasihkan Allah dan kasih akan segala makhluk Allah" seperti diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW.<sup>64</sup>

Menurut Za'ba, faktor yang boleh melahirkan penyatuan di kalangan orang Melayu dan Muslim itu ialah apabila terhapusnya perasaan terlalu "kasihkan diri (selfishness)" di kalangan mereka. Perasaan itu mestilah digantikan dengan "kasihkan orang lain atau mengorbankan diri kerana orang lain (self-sacrifice)".<sup>65</sup> Dua contoh telah diberikan oleh Za'ba berhubung dengan perkara ini. Pertama, ialah tentang pengorbanan Stamford Raffles di Singapura. Raffles menduduki Singapura bukan "kerana dirinya tetapi kerana kerajaannya dan orang-orang perniagaan kemudian daripadanya". Keduanya, Imam Al-Ghazali telah mengarang "kitab besar-besar bukan bagi faedah dirinya atau kerana kepujian" tetapi untuk faedah "Muslimin yang

telah lemah agama pada zamannya", walaupun Al-Ghazali sendiri ditegaskan sebagai "tiada maksum daripada tersalah".<sup>66</sup>

Apa yang dikehendaki oleh Za'ba ialah supaya bangsanya bersatu pada tujuan dan tetap berpegang teguh kepada tali Allah seperti dijelaskan sebelum ini. Matlamat terakhirnya ialah agar bangsa Melayu sedar yang diri mereka adalah sebahagian daripada umat Islam di dunia, bukan umat yang kecil serta terpecah-pecah seperti yang terdapat dewasa itu. Pada masa yang sama, Za'ba mengingatkan bangsanya supaya sedar akan kekuatan musuh utama yang dihadapi oleh mereka. Za'ba merujuk kepada golongan itu sebagai "bangsa-bangsa yang besar di dalam dunia ini". Perpaduan mereka sangat kuat kerana perasaan 'kasihkan orang lain' sudah sehati dengan diri mereka dan "sebab itulah kita dapati bangsa-bangsa mereka itu berdiri dengan teguhnya: apabila datang sesuatu kesusahan maka tiada mereka itu takut mati kerananya".<sup>67</sup>

Jika ditinjau kembali kepada pemikiran politik Za'ba seperti dibincangkan di atas, didapati dua pengaruh utama telah benar-benar mengesani jiwanya. Pertama, ialah ajaran reformis Islam Kaum Muda yang dianutinya itu. Kedua, ialah kesedarannya tentang kedudukan sejarah rantau ini sendiri. Ini dapat dilihat dari rujukan Za'ba kepada konsep bangsa Melayu yang berasaskan "seluruh tanah yang lebih luas" seperti pangkat kelima itu. Ini bermakna, selain faktor kesamaan agama, faktor bahasa dan kebudayaan telah dijadikan asas penting oleh Za'ba untuk mengungkapkan konsep bangsa Melayunya.

Berhubung dengan perkara pertama itu, faktor ajaran reformis Islam bukan sahaja telah mendorong Za'ba untuk menyarankan 'pangkat' keenam dan ketujuh di dalam peningkatan martabat habbul watannya, tetapi telah membantunya di dalam mengambil pendirian yang tegas di dalam masalah perpaduan Melayu dan Muslim di Tanah Melayu sendiri. Ini adalah merujuk kepada masalah penerimaan masyarakat keturunan India Muslim dan masyarakat keturunan Arab ke dalam masyarakat Melayu. Kedua-dua golongan tersebut dianggap oleh kebanyakan orang Melayu, seperti dijelaskan oleh Za'ba sebagai "seolah-olah tiada setaraf dengan dirinya dan seolah-olah dia saja Islam". Tetapi Za'ba tetap menganggap mereka sebagai sebahagian dari Melayu atas dasar "persaudaraan umat Islam dan kasih akan saudara-saudaranya Muslimin".<sup>68</sup>

Golongan ini, khususnya keturunan India Muslim, di Pulau Pinang, dikenali sebagai Jawi Peranakan. Keturunan mereka adalah hasil dari perkahwinan campur dengan orang Melayu tempatan. Mereka berbahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu. Di Singapura kebanyakan India Muslim bukan Jawi Peranakan. Selepas penubuhan Kesatuan Melayu

Singapura, mereka aktif dalam *Singapore Indian Association* Di Pulau Pinang mereka menubuhkan *Penang Malay Association* pada 1927.<sup>70</sup> Mereka terlibat secara aktif di dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Apabila pendidikan Inggeris berkembang, anak-anak mereka adalah golongan tempatan terawal yang berpeluang mendapat nikmat kemajuan itu. Ini menyebabkan ramai dari kalangan mereka terlibat di dalam perkhidmatan sektor awam dan persendirian, termasuk golongan profesional sejak awal kurun kedua puluh.<sup>71</sup>

Lanjutan dari itu, kedudukan sosial dan ekonomi mereka berada pada tahap yang lebih tinggi berbanding dengan orang Melayu amnya. Kedudukan tersebut meletakkan mereka pada taraf yang hampir sama dengan pencapaian orang Cina dan India di Tanah Melayu. Ini menimbulkan kecurigaan di kalangan orang Melayu kerana mereka dianggap sebagai golongan yang mengeksploitasi ekonomi Tanah Melayu.

Faktor ini memang disadari oleh mereka. Dengan itu timbul usaha di kalangan pemimpinnya untuk mengikis kecurigaan tersebut atas semangat perpaduan Melayu dan Islam, tetapi tidak begitu berjaya. Pengarang dan pemodal yang menerbitkan *Al-Imam* (1906-1908), seorang berketurunan Arab, misalnya, pernah menjelaskan tentang identitinya. Beliau mengakui bahawa dirinya adalah 'orang Melayu'.<sup>72</sup> Begitu juga dengan Syed Sheikh Al-Hadi. Beliau pernah menjelaskan bahawa dirinya adalah "benih bumiputra yang asal"<sup>73</sup> di Tanah Melayu ini. Tetapi mereka tidak dapat menjadi ahli Kesatuan Melayu Singapura.

Kecurigaan orang Melayu terhadap golongan Jawi Peranakan menjadi semakin meningkat menjelang pertengahan 1920-an. Ini menjadi semakin jelas dengan tertubuhnya Kesatuan Melayu Singapura.<sup>74</sup> Kesatuan ini cuba membela hak bangsa Melayu sahaja. Mereka mengkesampingkan golongan Jawi Peranakan kerana disifatkan bukan Melayu.<sup>75</sup> Pada 1930-an pula, isu ini menjadi bertambah hangat kerana timbulnya gelaran Darah Keturunan Arab (DKA) dan Darah Keturunan Keling (DKK) yang ditujukan khas kepada kedua-dua golongan tersebut. Abdul Rahim Kajai bertanggungjawab mempopularkannya.<sup>76</sup> Ini menjadikan golongan tersebut tersisih dari masyarakat Melayu amnya. Namun begitu, Za'ba tidak pernah mengkesampingkan mereka. Perjuangannya yang berasaskan persaudaraan umat Islam seperti dibincangkan sebelum ini tetap mendasari pemikirannya.

Apabila dilihat pula kepada aspek kedua dalam pemikiran politik Za'ba itu, rujukan beliau kepada penyatuan bangsa Melayu yang mencakupi seluruh Alam Melayu itu sama dengan konsep Melayu Raya<sup>77</sup> yang mula secara terbuka menjadi cita-cita politik sebilangan orang Melayu menjelang

akhir 1930-an. Ini dapat dilihat melalui perjuangan Kesatuan Melayu Muda (1938)<sup>77</sup> dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (1945).<sup>78</sup>

Za'ba adalah di antara orang terawal yang memperjuangkan idea tersebut, tetapi beliau tetap mempertahankan Islam sebagai suatu tali pengikat yang terpenting kepada konsep tersebut. Syed Sheikh Al-Hadi pernah menyifatkan pemikiran Za'ba mengenai perkara ini sebagai berteraskan prinsip "persaudaraan kemanusiaan".<sup>79</sup> Malah prinsip yang sama jugalah yang telah menjadi pegangan Al-Hadi di sepanjang perjuangannya melalui gerakan Kaum Muda bersama Za'ba di Tanah Melayu.<sup>80</sup>

Hingga setakat ini dapatlah dikatakan bahawa prinsip penyatuan bangsa Melayu berasaskan persaudaraan kemanusiaan, Islam serta Melayu Raya itu telah dijadikan panduan penting di dalam perjuangan Za'ba. Ini dapat dilihat melalui beberapa kegiatan sosialnya, terutama sekali di dalam membangunkan persatuan. Walaupun usaha di peringkat awalnya lebih tertumpu kepada pelajar-pelajar dan bekas pelajar di Malay College Kuala Kangsar (1921), tetapi usaha tersebut konsisten dengan cita-citanya, iaitu untuk mewujudkan perpaduan bangsa.

Hakikat ini menjadi semakin jelas apabila ia menubuhkan *The Malay Literary Association Kuala Lumpur* (1923). Walaupun persatuan itu gagal bergerak cergas kerana disekat kegiatannya oleh pihak kerajaan, tetapi satu proses penyatuan di kalangan anak muda Melayu berpendidikan Inggeris sudah dimulakan oleh Za'ba. Selepas itu, golongan yang sama telah memberikan kepemimpinan kepada guru-guru Melayu. Inilah yang akhirnya melahirkan persatuan guru-guru Melayu. *Majalah Guru* (1924) yang diterbitkan oleh mereka telah memainkan peranan penting di dalam memperpanjangkan perjuangan Za'ba dan Kaum Muda.

Za'ba bukan saja berjaya menyatukan golongan guru Melayu sama ada dari lulusan sekolah Inggeris dan sekolah Melayu, malah dapat menyatukan pula anak Melayu lain dari kedua-dua lulusan tersebut, yang tidak terlibat di dalam profesyen perguruan, untuk aktif di dalam Sahabat Pena.

Hasil dari daya usaha Za'ba sejak awal 1920-an, telah timbul kesedaran yang meluas, pertama, di kalangan guru-guru, dan keduanya di kalangan pegawai Melayu, di dalam perkhidmatan kerajaan kolonial tentang berbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu. Malah sehingga 1942, Sahabat Pena boleh dikatakan sebagai satu pertubuhan yang bukan saja tersusun rapi dari segi organisasinya, malah sudah dapat mencapai 'pangkat' keempat dalam cita-cita Za'ba untuk melihat orang Melayu dan Muslim bersatu berasaskan konsep "kasih setanah atau sebangsa" di Semenanjung Tanah Melayu.

Kewujudan dan penerusan perjuangan Sahabat Pena juga penting di dalam sejarah perpaduan orang Melayu dan Muslim umumnya. Selain Za'ba selaku Penaungnya, S.M. Zainal Abidin dan Syed Alwi Al-Hadi, yang juga tokoh penting persatuan itu adalah dari keturunan Jawi Peranakan. Ini memperlihatkan wujudnya perpaduan di peringkat pemimpin Melayu yang terdiri dari berbagai keturunan berasaskan persaudaraan Islam.

Sesungguhnya Sahabat Pena sendiri hampir terpecah kerana timbulnya isu bahawa mereka dari Darah Keturunan Keling dan Darah Keturunan Arab tidak dianggap sebagai Melayu, tetapi ini telah dapat dielakkan. Satu jawatan Penasihat Umum telah diwujudkan pada 1938 dan Za'ba dilantik untuk menduduki jawatan tersebut.<sup>81</sup> Perlantikan ini telah berjaya memperteguhkan perpaduan Sahabat Pena.

Sahabat Pena telah memperjuangkan cita-cita politik yang selari dengan pemikiran Za'ba. Ini dapat dilihat melalui konsep bangsa Melayu yang dikehendakkinya. Majalah rasminya *Paspam* pernah menyiarkan rencana yang membincangkan perkara ini. Bangsa Melayu ditegaskan sebagai berada bertaburan di Kepulauan Sumatra, Jawa dan di Semenanjung Tanah Melayu. Di samping itu, bangsa Melayu diseru supaya jangan berpecah-pecah. Walaupun mereka dari Darah Keturunan Arab (DKA) atau Darah Keturunan Keling (DKK), tetapi mereka adalah sebangsa. Alasan yang diberikan ialah:

[B]ahasa cakupannya tidak lain daripada Melayu dan adat resamnya dan agamanya tidak berubah-ubah seperti orang Melayu yang lain juga.<sup>82</sup>

Jika dilihat dari sudut perkembangan politik di Tanah Melayu pada zaman selepas Perang Dunia Kedua, kesedaran politik yang dicetuskan oleh Sahabat Pena dan infrastruktur yang dibinanya sebelum itu telah turut memudahkan orang Melayu untuk bersatu di dalam menghadapi cabaran politik zaman tersebut. Ini dapat dilihat dari dua aspek. Pertama, ialah dari segi kepantasan orang Melayu bertindak untuk menentang rancangan Malayan Union pada awal 1946. Kedua, ialah penerimaan kepemimpinan Za'ba di dalam menghadapi rancangan tersebut. Za'ba adalah Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Kongres Melayu Se-Tanah Melayu (1946) yang bertanggungjawab melahirkan UMNO kemudiannya.

Tanggungjawab yang diamanahkan oleh orang Melayu kepada Za'ba di dalam mengendalikan Kongres tersebut telah dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sementara itu, Za'ba sendiri mempunyai kerangka pemikiran politik yang sangat jelas di dalam menghadapi masalah masa hadapan politik bangsa Melayu. Oleh itu, perbincangan seterusnya akan dilihat dari sudut pemikiran politiknya, iaitu sikap anti-pembesar dan raja-raja Melayu, sikap anti-kolonial British, semangat persaudaraan kemanusiaan berasaskan Islam, dan konsep Melayu Rayanya.

Pemikiran Za'ba mengenai rancangan Malayan Union anjuran British boleh digunakan untuk mengukur komitmen beliau terhadap beberapa pemikiran politiknya. Menurut Za'ba, bangsa Melayu tidak dapat menerima rancangan Malayan Union kerana lima sebab. Pertama, kuasa raja-raja Melayu akan diambil alih oleh raja di England; kedua, Tanah Melayu akan dijadikan koloni British; ketiga, taraf orang Melayu dengan bukan Melayu akan menjadi sama; keempat, kerakyatan Melayu akan menjadi Malayan dan; kelimanya, ialah:

British hendak berbuat demikian ini yang sebenarnya ialah kerana nak menguatkan dan mengukuhkan kedudukannya memerintah Tanah Melayu dan membolot kekayaannya, bukan hendak melonggarkan atau memberi peluang melayakkan orang-orang Melayu memerintah negerinya sendiri.<sup>83</sup>

Za'ba telah memberikan lima sebab juga kenapa rancangan itu disukai oleh orang Melayu. Di antaranya ialah:

- i. Negeri Tanah Melayu hendak dijadikan satu itu baik, semua orang Melayu suka, bahkan orang-orang Melayu suka bukannya bersatu se-Malaya sahaja, tetapi suka hendak bersatu dengan semua negeri Alam Melayu juga.
- ii. Kerajaan sama seperti orang-orang Melayu boleh diberi kepada bangsa lain, tetapi hendaklah dengan syarat yang memelihara keselamatan bangsa Melayu pada masa akan datang.
- iii. Negeri ini hendaklah tetap Melayu punya dan Melayu berkuasa di dalamnya di bawah naungan dan pimpinan British hingga mereka layak berkerajaan sendiri.
- iv. Sementara itu, anak-anak Melayu mestilah diberi latihan-latihan yang khas pada segala perkara supaya lekas melayakkan mereka memerintah sendiri itu dalam masa yang patut.
- v. Akhirnya kelak mestilah dibenarkan Tanah Melayu ini bersatu dengan Indonesia (Negeri Alam Melayu), iaitu apabila Indonesia dapat kemerdekaan yang penuh.<sup>84</sup>

Jika ditinjau kembali kepada kedua-dua aspek yang disukai dan yang tidak disukai oleh bangsa Melayu menurut pemikiran Za'ba, didapati tiga asas penting di dalam pemikiran politiknya telah dijadikan panduan utama di dalam menerangkan reaksi orang Melayu berhubung dengan rancangan Malayan Union. Hanya satu aspek saja yang ketinggalan, iaitu peranan Islam. Akan tetapi, aspek tersebut tetap tidak dilupakan oleh Za'ba, terutama di dalam mengkonseptualisasikan "Tujuh Rukun Kebangsaan Melayu" seperti terdapat di dalam sebuah catatan peribadinya.

Za'ba telah melukiskan sebuah bendera yang dinamakan "Malay National Flag".<sup>85</sup> Di dalam bendera tersebut dimasukkan tujuh lambang yang mewakili rukun tersebut, iaitu:

- i. Warna Merah - bersungguh-sungguh berkorban kerana yang baik dan benar.
- ii. Warna Putih - tulus ikhlas, yang terbaik.
- iii. Bulan Bintang - tanda Islam.
- iv. Laut dan Gunung - asas dan nyawa keselamatan Alam Melayu.
- v. Gunung - Seguntang Mahameru, tumpuan asal Melayu tegap macam gunung.
- vi. Anyaman - 10 x 10, bersatu 100%.
- vii. Pergantungan - Allah Akbar, jangan lupakan Tuhan dan agama.<sup>86</sup>

Sungguhpun Za'ba gigih memperjuangkan idealisme politiknya hingga zaman selepas Perang Dunia Kedua, tetapi realiti politik Tanah Melayu dewasa itu telah memperlihatkan kelainan yang agak jelas, berbanding dengan apa yang cuba diperjuangkan oleh Za'ba.

## Nota

1. *Utusan Melayu*, 10-11.1917.
2. Ini merujuk kepada beberapa contoh karangan yang digunakan oleh Za'ba di dalam buku *Ilmu Mengarang Melayu* (Jawi) karyanya pada 1934.
3. Lihat *Lembaga Melayu*, 28-5.1917.
4. Contoh golongan kaya di Amerika Syarikat ialah seperti Henry Ford dan Rockefeller. Lihat Za'ba, "Guna Kekayaan", *Al-Ikhwān*, 16.1.1927, hlm. 27.
5. *Lembaga Melayu*, 7.6.1917.
6. *Lembaga Melayu*, 21.9.1917.
7. *Lembaga Melayu*, 7.6.1917.
8. Lihat Za'ba, "The Poverty of the Malay", *The Malay Mail*, 1.12.1923. Petikan ini ialah dari terjemahan Za'ba "Kemiskinan Orang Melayu", *Al-Ikhwān*, 16.4.1927, hlm. 151. (Petikan selanjut adalah berdasarkan karya terjemahan itu, tetapi tulisan asalnya tetap juga digunakan).
9. *Al-Ikhwān*, 16.4.1927, hlm. 151. Di dalam tulisan asalnya, "Tuan-tuan Penghulu" itu ialah "former lords" atau "former rulers". Lihat Za'ba, "The Poverty of the Malays", *The Malay Mail*, 1.12.1923.
10. *Al-Ikhwān*, 16.4.1927, hlm. 151.
11. *Ibid.*
12. *Utusan Melayu*, 18.19.1917.
13. *Utusan Melayu*, 14.2.1917. pandangan yang sama diulangi oleh Za'ba di dalam suratnya kepada Muhammad Bin Dato' Muda. 14.11.1917.
14. Frank A. Swettenham, *The Real Malay*, London: John Lane, 1900, hlm. 48.
15. *Ibid.*, hlm 50.
16. L.R. Wheeler, "Hari British Empayar", *Cenderamata*, Bil. 4, Jun 1924, hlm. 76.
17. Lihat J. de V. Allen, "Two Imperialists: A Study of Sir Frank Swettenham and Sir Hugh Clifford", *JMBRS*, Vol. 37, Pt. 1, July 1964, hlm. 50.
18. Wang Gungwu, "Winstedt in History", *The Straits Times Annual For 1967*, Singapore: The Straits Times Press, 1967, hlm. 94.
19. *Ibid.* Ungku Abdul Aziz telah merujuk tulisan Wang Gungwu ini, dan di dalam ulasannya mengenai peranan Winstedt telah meminjani ungkapan "stunted education" itu, tetapi diterjemahkan menjadi "sistem pendidikan Melayu seperti pokok "bonsai". Ungku A. Aziz, *Jejak-jejak di Pantai Zaman*, hlm. 9.
20. Lihat Abdul Majid Zainuddin, *The Malays in Malay By One of Them*. Singapore: Malaya Publishing House, Ltd., 1928, hlm. 15.
21. *Ibid.*, hlm.12.
22. *Ibid.*
23. Raja Sir Chulan adalah anggota Melayu terkanan *The Board of Governors* MCKK. Selain beliau ialah wakil dari negeri Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Pengerusinya ketiga itu ialah W.G. Maxwell, iaitu Residen British di negeri Perak. Lihat Transkrip Za'ba - IIm hlm. 20-21.
24. Lihat *Utusan Melayu*, 20.20.1919. Menurut *Sahih*, terdapat tiga penjelasan mengenai Al-Dajal itu. Pertama ialah buta mata kanannya; kedua, perkataan "Dajal" tertulis di anara dua matanya, kafir; dan ketiga "Dajal" itu buta mata kirinya. Muslim, *Sahih*, Vol. IV, Mesir Darilhya Al-Kutub Al-Arabiyah (cetakan pertama), 1375/1955, hlm. 2247-2252. (Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya kerana menjelaskan tentang perkara ini). Perbincangan tentang kegiatan politik golongan AL-Maseh Al-Dajal menurut tafsiran sarjana Islam dapat dilihat dalam Ali Akbar, *Israel and the Prophecies of the Holy Quran*. Kuala Lumpur: Marican & Sons (5th Ed.). 1971.
25. Lihat *Utusan Melayu*, 10.11.1919.



26. *Utusan Melayu*, 20.10.1919 (rujukan Za'ba itu ialah kepada kejayaan puak Bolshevik yang baru dua tahun (1917) berjaya menubuhkan kerajaan komunis di Republik Sosialis Soviet Besatu).
27. Pengalaman Za'ba itu dibincangkan dalam Adnan Hj. Nawang, *Za'ba Patriot dan Pendeta Melayu*, K. Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu 1974.
28. Lihat Robert A. Hunt, "A Biography of William Shellabear", hlm. 10.
29. *Ibid.* (khususnya Bab III - Bab X).
30. *Ibid.*, hlm. 180.
31. Lihat Zainal Abidin Ahmad, "Sumbagan Sir Richard Winstedt Dalam Penyelidikan Pengajian Melayu", John Bastin & R. Roolvink (eds.), *Malayan and Indonesia Studies*, hlm. 322.
32. Lihat *The Muslim*, Vol. 1, No. 1, Januari 1922, hlm. 4 (Tujuan lain ialah, "To help the Muslim Mission, Working in furthering its cause"; dan "To open a Moslem reading room". Turut ditegaskan ialah, "The Anjuman will not deal with politics").
33. Lihat Adnan Haji. Nawang, "Za'ba dan Ajaran Khwaja kamaluddin", hlm. 74-77.
34. Lihat *The Islamic Review 1913-1914*, Kraus Reprint, hlm. 14.
35. Lihat W. G. Shellabear, "The Malays and How To Help Them", *The Muslims*, Vol. VI, No. 3, Oct. -Dec. 1927, hlm. 9.
36. *Ibid.*, hlm. 10.
37. *Ibid.*, hlm. 12. (Ini adalah kesimpulan pengarang *The Muslim* di dalam ulasannya mengenai rencana Shellabear itu).
38. Lihat Zainal Abidin Ahmad, *The Triumph of Al-Quran*, *The Islamic Review*, Vol. x, No. 1, January 1922, hlm. 18-23; "Islam The Universal Religion", *The Muslim*, Vol. II, No. I, January 1923, hlm. 12-20; dan "Islam The Most Comprehensive Religion", *The Muslim*, Vol. II, No. 4, April 1923, hlm. 74-80.
39. Lihat Zainal Abidin Ahmad, "The Triumph of Al-Quran", hlm. 20.
40. *Ibid.*, hlm. 22.
41. *Ibid.*
42. *Ibid.*, hlm. 23.
43. *Ibid.*, hlm. 19.
44. *Ibid.*, hlm. 23.
45. Lihat Zainal Abidin Ahmad, "Islam, the Universal Religion", hlm. 18.
46. Lihat *Utusan Melayu*, 20.10.1919.
47. Lihat *Utusan Melayu*, 27.9.1919.
48. Untuk perbincangan tentang perkara ini, terutamanya berhubung dengan kesan revolusi Kamal Ataturk di Tanah Melayu, lihat A.C. Milner, "The Impact of the Turkish Revolution on Malaya", *Archipel* 31, 1986, hlm. 117-130. Lihat juga R.O. Winstedt, *The Malays - A Cultural History*, hlm. 42-43.
49. Lihat MPBI, 11 January 19232, para 60; and 18, November 1923, para 101; enclosure in CO 537/917. Dipetik dari W. R. Roff (ed.), *The Wondering Thoughts*, hlm. 122.
50. Untuk beberapa perkembangan sepintas lalu mengenai gerakan Khilafat di India, lihat Aziz Ahmad & G.E. Von Grunebaum, *Muslim Self-Statement in India and Pakistan*, hlm. 227, dan Aziz Ahmad, *Islamic Modernism in India and Pakistan*, hlm. 123-140.
51. Lihat surat Za'ba kepada Abdullah Bin Hassan, 1920.
52. Lihat Zainal Abidin Ahmad, "Islam, the Most Comprehensive Religion", hlm. 80.
53. Lihat *Utusan Melayu*, 20.10.1920.
54. *Utusan Melayu*, 27.9.1919
55. *Utusan Melayu*, 20.10.1991.
56. *Ibid.*
57. *Utusan Melayu*, 27.9.1919.
58. *Lembaga Melayu*, 18.12.1916.

59. *Utusan Melayu*. 14.2.1917.
60. Lihat "Teguran dan Jawapannya", *Al-Ikhwan*, November 1926, hlm. 50. Dipetik dari Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, *Pendita Za'ba*, hlm. 231.
61. *Ibid.*, hlm. 236.
62. Lihat Za'ba, "Kasihkan Diri dan Kasihkan Orang Lain" *Al-Ikhwan*, Penggal II, Jld. II, Oktober 1927, hlm. 37-42 dan Penggal III, Jld. II, November 1927, hlm. 75-81.
63. Za'ba, "Kasihkan Diri dan Kasihkan Orang Lain", *Al-Ikhwan*, Penggal II, Jld. II, 1927.
64. *Ibid.*
65. *Ibid.*
66. Za'ba, "Kasihkan Diri dan Kasihkan Orang Lain", *Al-Ikhwan*, Penggal III, Jld. II, 1927.
67. *Ibid.*
68. *Ibid.*
69. Untuk keterangan lanjut, lihat Helen Fujimoto, *South Indian Muslim Community*, hlm. 134-135 dan Khoo Kay Kim, "Malay Attitudes towards Indians", K.S. Sandhu & A. Mani (eds.), *Indian Communities in Southeast Asia*, Singapore: Times Academic Press, 1993, hlm. 268-269.
70. Za'ba "Kasihkan Diri dan Kasihkan Orang Lain", *Al-Ikhwan*, Penggal III, Jld. II, 1927.
71. Beliau ialah Sheikh Salim Al-Khalili. Lihat Abdullah Jaafar, "*Al-Imam*", hlm. II.
72. Lihat *Al-Ikhwan*, November 1926. Dipetik dari Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, *Pendita Za'ba Dalam Kenangan*, hlm. 237.
73. Kesatuan ini ditubuhkan pada 1926. Tujuannya ialah untuk menjadikan persatuan khas untuk orang Melayu supaya dapat memberi sokongan padu kepada wakil Melayu di Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat di Singapura. Wakilnya ialah Eunus Bin Abdullah. Persatuan ini cuba membela kedudukan sosio ekonomi orang Melayu yang jauh ketinggalan bukan saja di belakang orang Cina dan India, tetapi termasuk golongan Jawi Peranakan. Untuk keterangan lanjut, Lihat W.R. Roff, *The Origins*, hlm. 188-197. Lihat juga Ariffin Omar, *Bangsa Melayu. Malay Concepts of Democracy and Community 1945-1950*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1993, hlm. 15-16.
74. Ariffin Omar, *Bangsa Melayu*, hlm. 15.
75. *Ibid.* Untuk mendapat gambaran mengenai peranan Kajai dalam soal ini, lihat Abdul Latiff Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai*, hlm. 104-112.
76. Gagasan ini dikenali juga sebagai "Indonesia Raya". Konsep ini bertitik tolak dari kepercayaan bahawa Alam Melayu atau Dunia Melayu asalnya satu, tetapi telah dipecah-pecahkan oleh kuasa penjajah British dan Belanda. Oleh itu prinsip asas yang mendasari pemikiran ini ialah untuk menyatukan kembali konsep "seluruh tanah yang lebih luas" seperti yang diungkapkan oleh Za'ba itu. Untuk mendapat gambaran lebih lanjut mengenai konsep ini, lihat Adnan Haji Nawang, "Some Notes on Pelita Malaya", *Sejarah* (Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya), No. 1, 1988, hlm. 191-192. Ariffin Omar, *Bahasa Melayu*, hlm. 20-21 dan Burhanuddin Al-Helmy, "Perjuangan Kita", Kamaruddin Jaafar (ed.), *Politik Melayu dan Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Anda Sdn. Bhd., 1980, hlm. 31-60. Lihat juga Abdul Hadi Hassan, *Sejarah Alam Melayu*, Jld. 1-III.
77. Ia ditubuhkan di Kuala Lumpur pada 1938 di bawah pimpinan Ibrahim Haji Yaacob. Kesatuan Melayu Muda (KMM) adalah parti politik Melayu bersifat se-Tanah Melayu yang bertamab ditubuhkan sebelum Perang Dunia Kedua. Parti ini memperjuangkan idea Melayu Raya dan anti-penjajahan serta anti-golongan elit tradisional tempatan. Lihat John Funston, *Malay Politics in Malaysia. A Study of UMNO and Pas*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1980, hlm. 32-36 dan W.R. Roff, *The Origins*.

78. Ia diasaskan oleh Mokhtaruddin Lasso, komunis dari Sumatera. Ini adalah parti politik Melayu pertama tertubuh selepas Perang Dunia Kedua. Di peringkat awalnya ia berpusat di Ipoh, kemudian berpindah ke Kuala Lumpur. Akhbar rasminya ialah *Suara Rakyat*, kemudiannya *Pelita Malaya*. Di antara pemimpinnya ialah Ahmad Boestaman, Burhanuddin Al-Helmy dan Ishak Haji Muhammad. Parti ini meneruskan cita-cita perjuangan Kesatuan Melayu Muda. Lihat Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Ke Puncak*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Kejora, 1972, Adnan Haji Nawang, "Some Notes on Pelita Malaya", dan Ahmad Boestaman, *Carving the Path to the Summit* (translated with Translator's Introduction by W.R. Roff), Athen: Ohio University Press, hlm. xvii-xiii.
79. *Al-Ikhwān*, November 1926, dipetik dari Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, *Pendita Za'ba*, hlm. 237.
80. Untuk perbincangan ringkas mengenainya, lihat Syed Sheikh Al-Hadi, *Kitab Agama Islam dan Akal*, Pulau Pinang: Jelutong Press, 1931 (Jawi), hlm. 66-70 dan Syed Sheikh Al-Hadi (ed.), *Kitab Hadiah Kebangsaan*, hlm. i-ii.
81. Lihat W.R. Roff, *The Origins*, hlm. 220-221.
82. Lihat *Paspam*, Bil. 3, Jld. 2, 15.6.1939, hlm. 11-12.
83. Lihat surat Za'ba kepada Abdul Aziz bin Din, 22.5.1946. (Ini adalah surat jawapan Za'ba kepada Abdul Aziz kerana beliau diminta memberi pendapat mengenai perasaan orang Melayu terhadap rancangan Melayan Union).
84. *Ibid.*
85. Za'ba mungkin berhasrat untuk mengemukakan bendera lukisannya itu supaya dijadikan bendera UMNO. Tetapi UMNO hanya lahir pada 11.5.1946 dan soal mengadakan bendera rasminya dibincang dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung UMNO di Ipoh, *Prak*, pada 29 dan 30 Jun 1946. Ketiga itu Za'ba sendiri sudah tidak terlibat lagi dengan parti tersebut. Untuk mendapat keterangan lanjut mengenai bendera UMNO itu, lihat *UMNO Sepuluh Tahun* hlm. 39-41, Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Ke Puncak*, hlm. 82-89 dan Adnan Haji Nawang, *Pelita Malaya*, Khoo Kay Kim (ed.), *Lembaran Akhbar Melayu*, hlm. 143-144.
86. Lihat Catatan Za'ba pada sehelai kertas, bertarikh 19.4.1946 (ungkapan Allah Akbar itu tidak terkandung di dalam bendera, tetapi tertulis di dalam lencana. Moto Lencana itu ialah "Bersatu Jaya" dan terdapat juga lambang bulan dan bintang).